

Kerja setiap masa – PM

um - 13/2/2005

Oleh FAUZI JAAFAR
dan SADATUL MAHIRAN ROSLI

KUALA LUMPUR 12 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mahu semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) menjalankan tugas sepanjang masa dan bukan hanya bekerja ketika pihak media membuat liputan di kawasan mereka.

Perdana Menteri berkata: “Kerja (wakil rakyat) mesti diteruskan setiap masa dan tidak perlu setiap masa ada *reporter* yang pergi melaporkan apa yang dilakukan atau televisyen hendak ambil gambar.

“Tak perlu itu semua, terus buat kerja.”

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Ikan Koi Sentul Park di sini hari ini, Abdullah berkata, beliau sentiasa memantau perkembangan di setiap kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) melalui Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU).

Malah, beliau sendiri tahu apa yang dilakukan oleh wakil-wakil rakyat BN.

Abdullah percaya tugas wakil rakyat bukan untuk mendapatkan publisiti semata-mata, tetapi ialah untuk membangunkan kawasan masing-masing.

Malah beliau turut mengakui pada satu masa dulu terdapat laporan mengenai wakil rakyat yang hanya menjalankan tugas apabila terdapat liputan media.

Tetapi pada masa yang sama beliau turut meminta media melaporkan secara baik sebarang kesilapan yang telah dilakukan oleh wakil rakyat.

“Jangan nak sensasikan, semua nak sensasi, tapi ada pulak unsur perli dalam (laporan) itu, itu yang buat pemimpin tak senang hati dan datang marah pula.

“Unsur perli ini tidak payah dibabitkan dalam laporan. Kalau nak lapor, lapor secara terus (straight to the point). Lapor saja mereka (wakil rakyat) akan tahu,” tegas Abdullah.

Perdana Menteri sehubungan itu menasihatkan wartawan tidak menjadikan unsur sensasi dan sindiran dalam laporan sebagai satu kebiasaan.

Ini, kata beliau, kerana ada tuduhan yang mengaitkan laporan yang dibuat oleh wartawan mempunyai agenda kerana mensasar

Kerja setiap masa – PM

pada orang tertentu sahaja.

“Jadi *reporter* (wartawan) kena pandailah dalam perkara ini (laporan),” katanya.

Berhubung mengenai pelaksanaan janji dalam manifesto BN oleh wakil rakyat, beliau berkata semua pihak sedang berusaha untuk menjayakannya.

“Mereka (wakil-wakil rakyat) masih baru tak sampai tiga tahun sebagai MP (Ahli Parlimen), banyak perkara yang ada dalam manifesto sedang dilaksanakan, ia akan mengambil masa,” jelasnya.

Pembangunan dalam manifesto BN kata beliau adalah satu tindakan yang berterusan dan tidak boleh dilaksanakan sekali sahaja.

Tambah beliau, walaupun peruntukan adalah terhad tetapi usaha-usaha untuk pembangunan akan tetap diteruskan.

Perdana Menteri dengan itu berharap projek-projek tergendala akan dapat dimulakan segera.

Berhubung mengenai tindakan sebuah akhbar berbahasa Cina yang mengeluarkan karikatur menghina Nabi Muhammad, Abdullah berkata, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengambil tindakan.

“KDN sudah menghubungi akhbar berkenaan, serahkan pada KDN untuk menyelesaikannya,” jelas beliau.